



Huraian bagi masalah telefon bimbit kecurian

BAYANGKAN jika anda kehilangan atau kecurian telefon bimbit dengan semua maklumat di dalamnya turut hilang.

Terpaksa anda membeli telefon bimbit baru atau mencari nombor baru bagi kad SIM anda.

Tetapi dengan produk baru daripada syarikat Ten Cube Pte Ltd, masalah ini dapat dielakkan.

WaveSecure, sistem sekuriti bergerak yang direka untuk melindungi kedua-dua telefon bimbit dan maklumat di dalamnya, direka khas untuk mengatasi masalah berhubung kecurian dan kehilangan telefon bimbit.

"Ramai pernah kehilangan telefon bimbit, termasuk saya dan beberapa rakan. Ini menimbulkan masalah besar kerana seseorang harus melalui proses membeli telefon bimbit, memasukkan nama dan nombor telefon kenalan dan sebagainya.

"Tambahan pula, kami mendapati belum ada sistem perkhidmatan perlindungan sekuriti begini dalam pasaran," kata Encik Ming Chong, pengarah syarikat Ten Cube, yang merupakan lulusan Kejuruteraan daripada NUS, *Kembara Ekonomi*.

Sistem itu merangkumi lima aspek penting iaitu mengunci keseluruhan telefon bimbit, mengesan pencuri, membantu dan mengembalikan maklumat serta menghilangkan maklumat penting daripada telefon bimbit yang dicuri.

WaveSecure kini dalam tempoh percubaan dan ditawarkan hanya menerusi undangan. Ia akan dilancarkan secara rasmi September ini. Khidmat sistem itu dianggarkan berharga \$8 sahaja.

Ten Cube menawarkan khidmat WaveSecure secara tersendiri buat masa ini. Ia merancang bekerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi pada masa depan dalam memasukkan sofwa WaveSecure ke dalam pelan yang disediakan seperti khidmat *caller ID* dan *Autoroom*.

Syarikat Ten Cube Pte Ltd ditubuhkan dua setengah tahun lalu oleh sekumpulan mahasiswa NUS.

Butir-butir lanjut boleh didapati dengan mengirimi e-mel ke ming@tencube.com atau melunsi laman web di www.wavesecure.com. - Oleh SITI MARDHIAH MAHMOOD.



KHIDMAT LINDUNGI TELEFON BIMBIT: (Dari kiri) Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Ten Cube Pte Ltd, Encik Darius Cheung, dan pengarahnya, Encik Ming Chong, memperkenalkan sofwa sekuriti baru mereka, WaveSecure.

Solution found for phone theft

By Siti Mardhiah Mahmood

The article mentions that WaveSecure is a mobile security system that protects both the handphone and the data in the handphone, solving problems that arise from phone loss and theft.

It quoted Ming Chong, "Many people have lost their handphones, including myself and my friends. This is a real problem because one has to undergo the process of buying a new handphone, keying in the names and numbers of contacts and etc. We found that there is no such security system currently in the market that addresses this problem."

The article highlighted WaveSecure's important aspects like locking the phone, warning the thief, retrieving data and erasing important data from stolen phone.

The software is still in the trial period, and will be commercially launched this September.

tenCube is in talks with telecommunication companies to insert the software in their mobile phone plans.